



UB 21.5.2016 A15

**PERSAHABATAN:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus mengukuhkan jalinan hubungan menerusi perlawanan bola sepak persahabatan antara pasukan veteran kedua-dua pihak di Stadium UMS baru-baru ini.

Timbalan naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof Madya Dr Ismail Ali yang juga Pegawai Kehormat Kor Sukarelawan Siswa Polis UMS berkata, perlawanan persahabatan itu adalah sebagai tanda terima kasih kepada bantuan dan sokongan PDRM terhadap aktiviti dan program anjuran UMS.

Ismail turut menjaringkan satu gol untuk membantu UMS menang perlawanan itu 4-3.

Kelihatan di gambar kedua-dua pasukan bergambar bersama sebelum perlawanan dan Ismail (dua dari kiri) menyampaikan cenderkenangan kepada PDRM.

